



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 54

5hb Julai 2001

No. 14

---

No. 374.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESEN 1977)

(P.U. (A) 155/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH PEKAN

Notis adalah diberi bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Pekan akan diadakan, pada hari Khamis 19 Julai 2001 jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah dan Tanah Pekan.

2. Semua permohonan untuk Lesen, Pembaharuan Lesen atau Pindahmilik Lesen bagi tempoh mulai 1 Julai 2001 hingga 31 Disember 2001 hendaklah dibuat dalam borang "Eksais 27" yang telah ditetapkan (dalam empat salinan) dan hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Pekan, Pejabat Daerah dan Tanah Pekan dan hendaklah sampai pada 10 Jun 2001. Salinan-salinan permohonan untuk lesen baru mestilah ditampal di bangunan perniagaan yang bakal bermiaga minuman bagi tempoh tidak kurang dua (2) minggu sebelum diadakan mesyuarat.

Bertarikh 8 Jun 2001.  
[Pekan 14/58 8/0011 Pt. 11.]

HAJI MUHAMMAD BIN UBAIDULLAH,  
Naib Pengerusi,  
Lembaga Pelesenan Eksais  
Pekan

**KANUN TANAH NEGARA**  
(Akta 56 tahun 1965)

**No. 375.**

(Seksyen 261(1)(c))

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR SIASATAN

Di Pejabat Tanah Daerah Lipis, Dalam Negeri Pahang Darul Makmur.

DI ANTARA

Bank Bumiputra Malaysia Berhad

Pemegang Gadai

DAN

Low Kuan Heng

Penggadai

Kepada Low Kuan Heng,  
yang beralamat di 88 Kg. Baru Benta,  
27330 Benta,  
Pahang Darul Makmur.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan di bawah seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 24 Julai 2001 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Daerah Lipis. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Budu. No. Lot—3190. Jenis and No. Hakmilik—GM 665. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Jld. 32, Folio 51, Pers. No. 125/1993.

Bertarikh 21 Mei 2001.  
[PTL. Pen. 15/077/98.]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Lipis

**No. 376.**

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Said Abdul Manaf bin Said Mahadi, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu,

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 19 Julai 2001 (Khamis) jam 9.30 pagi di Pejabat Tanah Raub; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM120,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini (17 April 2001) ialah RM313,879.34.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Tras. No. P.T.—10. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 10. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 203/1999.

Bertarikh 15 Mei 2001.  
[P.T.Rb. 9/1726.]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Raub

#### No. 377.

(Seksyen 265(2))

#### NOTIS-NOTIS LELONGAN AWAM YANG KEMUDIAN

Kepada Norrizan binti Ismail, yang beralamat di 26 TJ 3/1 Taman Temerloh Jaya, 28000 Temerloh, tuan punya tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan yang Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang diadakan pada 9 Mei 2001 telah ditarik balik disebabkan tiada tangkapan di dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali yang kedua pada 11 Oktober 2001 bertempat di Perkarangan Pejabat Tanah Temerloh jam 10.15 pagi dengan harga rizab sebanyak RM135,000.00.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mentakab Daerah Temerloh. No. PT—6125. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1931. Bahagian Tanah—Semua Bahagian. No. Daftar Gadaian—Pers. No. 616/96, Jil. 114, Fol. 66. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 26 Mei 2001.  
[PTT. 369/22/2000.]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Temerloh

#### No. 378.

Kepada Krishna a/l Veerasamy, yang beralamat di 1 Jalan Sri Puchong 5A, Taman Sri Puchong, 47100 Puchong, Selangor, tuan punya tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan yang Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang diadakan pada 9 Mei 2001 telah ditarik balik disebabkan tiada tangkapan di dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali yang kedua pada 11 Oktober 2001 bertempat di Perkarangan Pejabat Tanah Temerloh jam 10.30 pagi dengan harga rizab sebanyak RM27,000.00.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Semantan Daerah Temerloh. No. PT—3009. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 2442. Bahagian Tanah—Semua Bahagian. No. Daftar Gadaian—Pers. No. 1070/95, Jil. 105, Fol. 38. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 26 Mei 2001.  
[PTT. 369/14/2000.]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Temerloh

#### No. 379.

Kepada Mohd Said bin Hussain, yang beralamat di d/a Said Satay, Gerai MPT, Lurah Semantan, Temerloh, tuan punya tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan yang Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang diadakan pada 23 Mei 2001 telah ditarik balik disebabkan tiada tangkapan di dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali yang kedua pada 29 Ogos 2001 bertempat di Perkarangan Pejabat Tanah Temerloh jam 10.00 pagi dengan harga rizab sebanyak RM31,500.00.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Perak Daerah Temerloh. No. Lot—5019. Jenis dan No. Hakmilik—GM 347. Bahagian Tanah—Semua Bahagian. No. Daftar Gadaian—Pers. No. 499/1985, Jil. 46, Fol. 64. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 26 Mei 2001.  
[PTT. 369/1/2000.]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Temerloh

#### No. 380.

Kepada Toheri bin Sohoh, yang beralamat di Semantan Antapadu Sdn. Bhd, B-1 Gerai MPT, Lurah Semantan, Temerloh, tuan punya tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan yang Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang diadakan pada 9 Mei 2001 telah ditarik balik disebabkan tiada tangkapan di dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali yang kedua pada 26 September 2001 bertempat di Perkarangan Pejabat Tanah Temerloh jam 10.00 pagi dengan harga rizab sebanyak RM31,500.00.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Perak Daerah Temerloh. No. Lot—5696. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 4654. Bahagian Tanah—Semua Bahagian. No. Daftar Gadaian—Pers. No. 16/1998, Jil. 133, Fol. 2. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 26 Mei 2001.  
[PTT. 369/30/2000.]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Temerloh

#### No. 381.

Kepada Saidi bin Abdullah, yang beralamat di KB 13, Kg. Bachap, 28000 Temerloh, tuan punya tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan yang Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang diadakan pada 9 Mei 2001 telah ditarik balik disebabkan tiada tangkapan di dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali yang kedua pada 26 September 2001 bertempat di Perkarangan Pejabat Tanah Temerloh jam 10.15 pagi dengan harga rizab sebanyak RM46,800.00.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Perak Daerah Temerloh. No. PT.—7801. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 6051. Bahagian Tanah—Semua Bahagian. No. Daftar Gadaian—Pers. No. 1876/96, Jil. 117, Fol. 27. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 26 Mei 2001.  
[PTT. 369/21/2000.]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Temerloh

**No. 382.****AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960**

(Akta 486)

(Seksyen 8)

**PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN**

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah untuk Projek Jalan Masuk 4 Lorong ke Pelabuhan Kuantan, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan, Pahang Darulmakmur.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

**JADUAL****Daerah—Kuantan. Mukim—Sungai Karang.**

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil					
				HS(M)	E.	R.	P.	Hektar	
2386 (PT 1373)	1257	Ab. Aziz bin Khudri	2    0    00					0.1564	
GM									
2387	368	Mohd Kamal bin Abdul Salam 1/2 bhg. dan Zaiton binti Mohd Noor 1/2 bhg.			2.581			0.037	
					E.	R.	P.		
2388	650	Auf Chemicals Sdn. Bhd.	2    1    36					0.0023	
2389	645	Azizah binti Tahir	2    2    30					0.1192	

Bertarikh 14 Jun 2001.  
[PTK. 2/2/3/189.]

DATO' AB. RAHIM BIN MA'IN,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Pahang

**NOTIS-NOTIS AM****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 383.**

(Seksyen 254)

**NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN**

Kepada Ang Ah Chok (KP. 6216332) & Eiu You Hock (KP. 5278909), 152 Lorong Hiburan 3, Perumahan Pantai Hiburan, 26800 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur. Pencagar di bawah cagaran yang diperihalkan dalam Jadual di bawah mengenai tanah yang diperihal sedemikian.

Bahawasanya tuan/puan telah melanggar peruntukan-peruntukan cagaran ini:

Telah gagal/enggan untuk menjelaskan bayaran baki hutang pinjaman berjumlah Ringgit Malaysia: Dua Puluh Empat Ribu Tujuh Ratus Tujuh Puluh Satu dan Sen Tiga Puluh Empat Sahaja (RM24,771.34) setakat 19-7-2000 berserta dengan kadar faedah sehingga kini sebanyak 7.75% setahun atau 1.25% atas Kadar Asas Berian sejumlah 6.50% setahun dengan kiraan bulanan dan akan berubah dari masa ke semasa dan masih lagi berterusan di atas pinjaman yang telah diluluskan kepada tuan/puan.

Kami, sebagai Pemegang Cagaran, dengan kuasa yang telah diberikan kepada kami di bawah seksyen 254, Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki tuan/puan dalam tempoh Tiga Puluh (30) hari daripada tarikh penyampaian notis ini meremedikan perlanggaran itu.

Dan sila ambil perhatian sekiranya tuan/puan gagal meremedikan perlanggaran itu dalam tempoh yang ditetapkan, maka kami akan memohon untuk mendapatkan perintah jualan.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar pajakan/ pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S(M)					
Mukim Rompin	2117	1554	Semua Bahagian	Tiada	Jil. 18, Fol. 16, Pers. 148/92
Daerah Rompin					

(Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 4 Ogos 2000.  
[1300/401/L/SN/RCA/(nim).]

MALAYAN BANKING BERHAD,  
Oleh Wakil Mutlaknya  
SKW Jilid 5 Folio 55

MAT REFFIEN BIN ABU SETAMAN,  
(KP. 5171910)

Notis Perlanggaran mengenai sesuatu cagaran ini telah difailkan oleh Tetuan Radzi & Abdullah, Peguambela & Peguamcara yang beralamat di Suite 3, Tingkat 6, Menara Teruntum, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 384.**

(Seksyen 255)

## TUNTUTAN UNTUK PEMBAYARAN WANG POKOK

Kepada Zainun binti Abdullah yang beralamat di 109 Jalan Lipis, 27600 Raub, Pahang Darul Makmur penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya wang pokok yang dijaminkan oleh gadaian sejumlah RM11,911.24 setakat 17 Jun 2000 adalah kena dibayar apabila diminta.

Saya, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 255 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki pembayaran wang tersebut dengan segera.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah wang tersebut tidak dibayar dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis ini, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar pajakan/ pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S(M)					
Mukim Gali	6763	3261	Semua	Tiada	No. Pers. 335/1992, Jil. 53, Fol. 63
Daerah Raub					

(Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 29 Ogos 2000.

Pemegang Gadaian,  
Affin Bank Berhad (25046-T)  
(yang dahulunya, dikenali sebagai Perwira  
Affin Bank Berhad)  
Cawangan Jengka,  
26400 Jengka

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 385.**

(Seksyen 255)

## TUNTUTAN UNTUK PEMBAYARAN WANG POKOK

Kepada Abdul Ghani bin Mohamed yang beralamat di C-391-76 Taman Bukit Pedah, 27000 Jerantut, Pahang Darul Makmur penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya wang pokok yang dijaminkan oleh gadaian sejumlah RM20,511.44 setakat 7 Julai 2000 adalah kena dibayar apabila diminta.

Saya, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 255 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki pembayaran wang tersebut dengan segera.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah wang tersebut tidak dibayar dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis ini, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. P.T. No. Hakmilik	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar pajakan/ pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
----------------------------	--------------------------	---------------------------	---------------------------------	--	--

H.S(M)

Mukim Pedah	4811	3031	Semua	Tiada	Pers. No. 357/89, P.A. 7/67 dan 7/35, Jil. 33, Fol. 95
Daerah Jerantut					

(Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 22 September 2000.

Pemegang Gadaian,  
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad,  
Cawangan Temerloh,  
28000 Temerloh

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 386.**

(Seksyen 255)

## TUNTUTAN UNTUK PEMBAYARAN WANG POKOK

Kepada Talib bin Ibrahim yang beralamat di 25 Kampung Rakit, 28400 Mentakab, Pahang Darul Makmur penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya wang pokok yang dijaminkan oleh gadaian sejumlah RM21,806.93 setakat 14 Oktober 2000 adalah kena dibayar apabila diminta.

Saya, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 255 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki pembayaran wang tersebut dengan segera.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah wang tersebut tidak dibayar dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis ini, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar pajakan/ pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
----------------------------	----------	---------------------------	---------------------------------	--	--

H.S(D)

Bandar Mentakab	3752	6155	Semua	Tiada	No. Pers. 6647/90, Folio 80, Jilid 237
Daerah Temerloh					

(Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 27 November 2000.

Pemegang Gadaian,  
(3905-T),  
Mayban Finance Berhad,  
Cawangan Mentakab,  
28400 Mentakab

**Hakcipta Pencetak (H)****PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA